



## • **KENYATAAN AKHBAR**

8 Mei 2016

Untuk Siaran Segera

### **PERASMIAN CAWANGAN BANK MUAMALAT TANAH MERAH, KELANTAN**

**Tanah Merah, Ahad 8 Mei :** Hari ini menandakan satu lagi mercu pencapaian penting bagi Bank Muamalat Malaysia Berhad dimana cawangan baru di Tanah Merah telah dibuka dengan rasminya oleh Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid. Perasmian ini telah disaksikan oleh kakitangan kanan kerajaan; wakil-wakil dari pihak swasta; pihak pengurusan kanan dan kakitangan Bank Muamalat; pihak media dan juga masyarakat tempatan.

Didalam ucaptama Y.Bhg. Tan Sri Munir berkata “Cawangan Tanah Merah ini merupakan cawangan yang ke 5 di Kelantan dari jumlah keseluruhan 61 cawangan Bank Muamalat. Cawangan Tanah Merah ini berada di lokasi yang strategik dimana ia merupakan salah satu daerah di Kelantan yang sedang pesat membangun. Kami berjanji untuk memberi perkhidmatan yang terbaik untuk keselesaan dan kemudahan pelanggan di kawasan ini.”

Beliau berkata lagi, “Sejak Cawangan Tanah Merah ini beroperasi, lebih daripada 100 akaun deposit telah di buka dan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan adalah melebihi RM700,000.

Bank Muamalat juga memberi tumpuan supaya sentiasa berdaya komersial dengan mengamalkan amalan industri yang baik serta memajukan produk-produk yang berorientasikan pasaran menuju ke arah perbankan Islam dimana ia mengembangkan lagi sistem kewangan Islam ke arah pembangunan satu sistem yang lebih dinamik, responsif dan mapan.

Bank Muamalat Cawangan Tanah Merah bersedia memberi kemudahan-kemudahan perbankan Islam terutama kepada usahawan-usahawan yang bercita-cita untuk memajukan dan mengembangkan perniagaan mereka dengan menggunakan produk-produk dan instrumen-instrumen perbankan Islam.

---

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (6175-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur  
Tel : +603 2698 8787, 2059 1200, 2615 7000  
Laman Web : [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) Talian Bebas Tel : 1300 88 8787



Ahli kumpulan  
**DRB-HICOM**